

# Kepimpinan pelajar dapat diasah melalui program berpasukan: Wilfred

487 17.12.2018 8  
OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE

**KOTA KINABALU:** Aspek kepimpinan dalam kalangan pelajar khususnya di peringkat institusi pengajian tinggi mampu diasah melalui kebebasan dalam melaksanakan program dan aktiviti berpasukan.

Pelaksanaan program dalam kalangan siswa siswi di universiti dilihat mampu menjadi wadah pembentuk kepada perwatakan bakal pemimpin yang akan menerajui negara kelak.

Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata latihan kepimpinan yang diperolehi semasa di universiti adalah satu usaha dalam membentuk jati diri bakal graduan yang mempunyai kreativiti dan kredibiliti.

"Inovasi yang mampu dihasilkan adalah impak daripada graduan yang mempunyai kreativiti dan kredibiliti dalam melaksanakan program di peringkat universiti semasa tempoh pengajian.

"Hal ini sekaligus membawa kepada pembinaan pemikiran kritis yang kita perlukan dalam diri bakal pemimpin kita untuk masa akan datang," katanya.

Madius yang juga merupakan Menteri Perdagangan dan Perindustrian Sabah turut

menjelaskan bahawa bakal graduan yang mampu membentuk diri dengan sifat kepimpinan melalui penyertaan program dan aktiviti di peringkat universiti juga akan menjadi sumber manusia yang berkualiti dan menyumbang kepada penjana ekonomi negara.

"Graduan yang mempunyai nilai bukan hanya akan memenuhi pasaran pekerjaan kita bahkan graduan yang mempunyai nilai ini juga adalah mereka yang mampu membina peluang pekerjaan sendiri tanpa mengharapkan kepada peluang pekerjaan yang disediakan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir merasmikan Pesta Krismas peringkat Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini, Sabtu lalu.

Menurut Madius, siswa siswi di universiti wajar diberi kebebasan dalam meneroka peluang dan melaksanakan program pelbagai bentuk dengan tujuan untuk mengembangkan bakat kepimpinan sekaligus menyumbang kepada masyarakat.

Katanya, penganjuran aktiviti di peringkat universiti adalah langkah awal dalam membentuk sahsiah bakal graduan untuk memegang amanah dan menjalankan tugas yang diberikan.

"Kita lihat Perdana Menteri kita kini

yang usianya 93 tahun, tetapi usaha dan kredibilitinya tidak dapat disangkal lagi, membina sebuah negara dengan tekad dan kebijaksanaan belia.

"Para pelajar wajar menjadikan belia sebagai idola dalam aspek kepimpinan dan ketelusan dalam menjalankan amanah yang dipertanggungjawab," jelasnya lagi.

Madius turut menyeru pihak universiti untuk membentuk jalinan kerjasama dengan pihak yang mampu memberi manfaat khususnya dalam bidang keusahawanan bagi memastikan peluang kerjaya para graduan akan datang semakin luas.

"Kementerian saya khususnya amat menggalakkan pihak universiti untuk menjalinkan kerjasama dengan pelbagai pihak khususnya bagi tujuan mengembangkan kursus berbilang keusahawanan dan sesuatu yang mampu memacu graduan kita untuk turut sama menyumbang kepada negara dan negeri kelak.

"Kita kini perlu melihat bahawa perkembangan pesat bukan sebagai halangan kepada bakal graduan menempah tempat di ruang alam pekerjaan, sebaliknya menjadi penyelesaian kepada masalah tersebut dengan menjadi graduan bijaksana yang mencipta peluang pekerjaan sendiri," ujar belia lagi.